



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTAJUK “UITM HOLDINGS RUGI RM157 JUTA” BERTARIKH 7 FEBRUARI 2023

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengambil maklum laporan akhbar bertajuk “**UiTM Holdings rugi RM157 juta**” yang disiarkan oleh Utusan Malaysia pada 7 Februari 2023.
2. Jumlah **RM157 juta** yang dilaporkan tersebut adalah berdasarkan kepada kiraan **kerugian sebelum cukai terkumpul selama 4 tahun iaitu bagi tahun 2017, 2018, 2019 dan 2021**. Manakala keuntungan sebelum cukai terkumpul yang dilaporkan bagi tahun 2011, 2013, 2014, 2015 dan 2016 adalah sekitar **RM26 juta**.
3. UiTM Holdings Sdn Bhd merupakan sebuah **syarikat pegangan pelaburan milik penuh UiTM** yang menguruskan 8 buah syarikat berkaitan tenaga, penjagaan kesihatan, teknologi dan kreatif.
4. **KPT mengalu-alukan sebarang bentuk siasatan dijalankan berkenaan dakwaan ketidakcekapan dan ketirisan yang dilaporkan tersebut.** Pihak-pihak yang berkenaan mesti memberikan kerjasama yang sewajarnya.
5. **Penekanan khusus diberikan oleh KPT dalam perkara-perkara yang melibatkan nilai integriti dan tata kelola dalam tadbir urus universiti.** KPT juga berpandukan kepada, antara lain, *UniTP Green Book (Enhancing University Board Governance and Effectiveness)* yang menggariskan berkenaan pengurusan kewangan dan penjanaan pendapatan universiti.

6. Selain daripada siasatan yang dijalankan, **KPT akan membuat semakan dan penambahbaikan terhadap garis panduan yang telah ditetapkan berkenaan pengurusan syarikat pegangan universiti serta mengukur kepatuhan oleh syarikat-syarikat yang berkaitan.**
7. KPT menegaskan bahawa pihak Kementerian **tidak akan berkompromi sekiranya berlaku sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan atau undang-undang sedia ada yang terpakai.**

DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

7 FEBRUARI 2023